

30 MAR 1998

Ruhanie-MARA

PENGERUSI BARU MARA IKRAR PERJUANG KEPENTINGAN BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Anggota Parlimen Parit Sulong Ruhanie Ahmad, yang diumumkan sebagai Pengerusi MARA yang baru berkuatkuasa 1 April ini berikrar untuk menggunakan kedudukannya itu bagi memperjuangkan kepentingan bumiputera.

Ruhanie, yang juga Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) di Dewan Rakyat, berkata beliau akan berusaha mencari sebanyak mungkin faedah dan manfaat yang boleh diberikan kepada bumiputera selaras dengan undang-undang tubuh MARA itu sendiri.

"Saya faham bahawa jawatan Pengerusi MARA ini orang kata kerusi panas tetapi saya yakin asalkan kita menjalankan tugas kerana Allah dengan jujur dan ikhlas untuk bangsa, agama dan tanahair, insyaAllah kita akan mendapat keberkatannya," katanya ketika ditemui pemberita di ruang legar Bangunan Parlimen, di sini, hari ini.

Perlantikan Ruhanie sebagai Pengerusi MARA yang baru bagi tempoh 1998-2000 diumumkan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed pada satu majlis di sini hari ini.

Beliau menggantikan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Othman Abdul, yang telah tamat tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi MARA selama dua tahun.

Ruhanie mengucapkan syukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Mustapa kerana memberi kepercayaan penuh kepada beliau untuk menerajui kepimpinan MARA.

"Pertamanya saya akan meneruskan semua program-program yang dirancang oleh pengerusi lama yang masih lagi tertangguh dan seterusnya saya akan berusaha mencari faedah dan manfaat untuk bumiputera selaras dengan undang-undang tubuh MARA itu sendiri," kata Ruhanie, yang juga Pengerusi Syarikat PadiBeras Nasional (Bernas), anggota Lembaga Pengarah KUB dan anggota Lembaga Pengarah Utusan Melayu.

Beliau berkata, cabaran utamanya sebagai Pengerusi MARA yang baru ialah untuk menyesuaikan tindakan dan perjuangan agensi kerajaan itu dengan keadaan semasa sama ada program-program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan perbekalan kewangan yang penuh kekangan ketika ini.

"Saya akan masuk ke dalam (MARA), saya akan perhatikan, memahami keadaannya dan kemudian saya akan lihat di mana yang perlu diperbaiki akan diperbaiki dan yang mana perlu diperkukuhkan akan kita perkukuhkan semula," katanya.

Ruhanie berkata, majlis serah menyerah tugas jawatan itu akan berlangsung di Medan MARA Rabu ini. -- Bernama

AH WAT